



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 2 TAHUN 2021**

**PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN
PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) :
BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN
UNIVERSITI (PU)**

Pejabat Bendahari

18 Februari 2021

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA Melaka

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 (2)

18 Februari 2021

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 2/2021

PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) : BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI (PU)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) : Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5/2019 berkaitan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/2019 pada 11 Julai 2019 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019 pada 15 Ogos 2019.
- 2.2 PKPU ini terdiri daripada enam (6) bahagian iaitu :
 - 2.2.1 Bahagian Tadbir Urus Kewangan (TU);
 - 2.2.2 Bahagian Pengurusan Bajet (PB);
 - 2.2.3 Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU);
 - 2.2.4 Bahagian Pengurusan Aset Universiti (PA);
 - 2.2.5 Bahagian Pengurusan Wang Universiti (PW); dan
 - 2.2.6 Bahagian Pelaburan Strategik (PS).

- 2.3 Terdapat peraturan yang ditambah baik oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu seperti berikut :
- 2.3.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2019 telah meluluskan permohonan melaksanakan kutipan yuran pelajar sarjana muda bagi kursus persediaan pensijilan profesional sebanyak RM 400.00/pelajar dan penubuhan Tabung Sijil Profesional. Kursus Profesional adalah satu (1) program penawaran sijil profesional kepada semua pelajar UTeM yang mana sijil yang dikeluarkan oleh syarikat boleh dalam bentuk sijil asas/ sijil kehadiran dan sebagainya yang mempunyai logo badan profesional berkenaan.
- 2.3.2 Berdasarkan kepada peraturan sedia ada, beberapa kaedah perolehan sedia ada didapati kurang bersesuaian dengan keperluan dalam mendapatkan pensijilan dari agensi atau syarikat pengeluar/agen yang tertentu. PP/PK 7 – Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan, tujuh belas (17) peraturan yang ada tidak memberi pengecualian kepada aktiviti yang mengendalikan pensijilan kursus profesional dan akademik.
- 2.3.3 Pejabat Bendahari mengguna pakai PP/WP 7.5 – Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan yang membenarkan pengecualian ke atas peraturan kaedah perolehan kerajaan, rundingan terus dan tender terhad yang menggunakan sumber dalaman. Peraturan ini juga telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2019 pada 18 Disember 2019 – Sebarang pengecualian ke atas peraturan perolehan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) terlebih dahulu melalui perakuan Lembaga Perolehan (LP) Universiti.
- 2.3.4 Berdasarkan peraturan tersebut, Pejabat Bendahari mencadangkan untuk Pengecualian Peraturan Pengendalian Pensijilan Kursus Profesional Dan Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) daripada tatacara perolehan kerajaan. Selaras dengan itu, sebarang pengecualian ke atas peraturan perolehan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) setelah mendapat perakuan Lembaga Perolehan (LP) Universiti.

2.4 Peraturan di para 2.3 di atas telah diperakukan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan Universiti Bil. 1/2021 pada 1 Januari 2021 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2021 pada 5 Januari 2021.

2.5 Sehubungan dengan perkara di atas, PKPU telah dipinda seperti di para 3.0.

3.0 PEMAKAIAN

3.1 Di bawah Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) adalah seperti berikut :

3.1.1 **Tambahan :**

**BAB R : PEROLEHAN – PEROLEHAN MENGGUNAKAN SUMBER
DALAMAN UNIVERSITI YANG DIKECUALIKAN DARIPADA
TATACARA PEROLEHAN UNIVERSITI**

3.1.2 **Tarikh kuat kuasa :**

5 Januari 2021

3.1.3 **Capaian :**

BAB R -

<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/3-0-bahagian-pengurusan-perolehan-universiti/bab-r-perolehan-perolehan-menggunakan-sumber-dalam-universiti-yang-dikecualikan-daripada-tatacara-perolehan-universiti>


Sekian, harap maklum.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

RA/UGP/SPK Pindaan PKPU8